

Jawatan	:	Juruaudit Gred W9
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan dan Profesional
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kewangan
Jadual Gaji (JGMM)	:	RM2,470.00 – RM11,110.00
Syarat Lantikan	:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> (a) (i) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W9: RM2,470.00); atau (ii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W9: RM3,020.00); atau (iii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred W9: RM3,020.00); atau (iv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred W9: RM3,130.00); atau (v) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia. (Gaji permulaan ialah pada Gred W9: RM3,240.00).
Syarat Kelayakan Bahasa Melayu	:	<ol style="list-style-type: none"> 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.